

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 22 OKTOBER 2013 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Gempa Sederhana Landa Negros, Filipina	Bernamea.com
2.	Mampu Jana RM150 Bilion	Berita Harian
3.	Tambah Dana Petani Kontrak	Harian Meto
4.	Irda Sees Challenging Times Ahead	The Star
5.	Pelaburan Iskandar RM128.21b	Utusan Malaysia
6.	Akar Pokok Makin Bertambah	Harian Metro
7.	TPPA : Malaysia Akan Rugi Jika Tolak Penyertaan	Utusan Malaysia

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 22 OKTOBER 2013 (SELASA)



Gempa Sederhana Landa Negros, Filipina

KOTA KINABALU, 21 Okt (Bernama) -- Gempa bumi sederhana dengan kekuatan 5.2 pada skala Richter menggegarkan Negros, Filipina, pada pukul 7.30 pagi Isnin.

Menurut [Jabatan Meteorologi Malaysia](#), gempa itu berpusat di 16 kilometer dari bandar raya Tagbilaran dan 779 km dari timur laut Sandakan.

Tiada ancaman tsunami dilaporkan.

-- BERNAMA

PERSIDANGAN BIOTEKNOLOGI DAN BIOEKONOMI ASIA-PASIFIK 2013

Mampu jana RM150 bilion

» Keyakinan pelabur dorong perkembangan industri

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

► Johor Bahru

Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp) menyasarkan industri bioteknologi negara mampu menyumbang RM150 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2020.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal, berkata sasaran itu mampu dicapai berikutan perkembangan pesat industri berkenaan membabitkan segmen perindustrian, penjagaan kesihatan dan pertanian.

"Seperti di Johor, industri ini semakin berkembang, malah setakat September lalu, ia membawa masuk pelaburan RM1.3 bilion ke negeri ini terutama dengan pelaburan menerusi syarikat di bawah Bio-Nexus dan Bio-XCell melalui Program Transformasi Bioekonomi.

"Jadi, industri ini berpotensi mencapai pelaburan sehingga RM150 bilion menjelang



Mohd Nazlee (kiri) bertukar dokumen dengan Wan Amir Jeffery pada majlis menandatangani MoU antara Biotechcorp dan J-BioTech di Johor Bahru, semalam.

(FOTO ZULKARNAIN AHMAD TAJUDDIN/BH)

2020 berdasarkan perkembangan pesat, selain keyakinan pelabur terhadap dasar negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) bersama Ketua Pegawai Eksekutif Johor Biotechnology And Biodiversity Corporation (J-Biotech), Wan Amir Jeffery Wan Abdul Majid, di sini, semalam.

Mohd Nazlee berkata, Malaysia mempunyai potensi menjadi peneraju industri bio-

teknologi kerana mempunyai sumber pelbagai dan boleh diketengahkan, sekali gus menjana ekonomi negara ke arah lebih baik.

Kerjasama tingkat pelaburan

Mengulas perjanjian persefahaman itu, beliau berkata, MoU selama tiga tahun itu akan memberi tumpuan kepada kerjasama untuk meningkatkan lagi pelaburan berdasarkan industri bioteknologi di Johor.

"Ia akan membabitkan ka-

jian, pembangunan serta menambah nilai pasaran produk untuk dikomersialkan. Sebagai permulaan, kedua-dua syarikat akan menjalankan kajian bersama mengenai kluster bioaromatik di BioDesaru Organic Food Valley di Kota Tinggi," katanya.

Sementara itu, Wan Amir Jeffery berkata, kedua-dua pihak juga merancang bekerjasama melaksanakan beberapa aktiviti termasuk program membabitkan penduduk di sebuah kawasan.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (BISNES): MUKA SURAT 40
TARIKH: 22 OKTOBER 2013 (SELASA)

Tambah dana petani kontrak

Kuala Lumpur: Malaysia Biotechnology Corporation Sdn Bhd (Biotechcorp) berharap kerajaan dapat memberi bantuan dari segi penambahan dana kepada kumpulan petani yang menyertai kontrak pertanian menerusi koperasi kumpulan berkenaan dalam usaha menggalakkan pertumbuhan ekonomi luar bandar dan syarikat bioteknologi tempatan.

Program kontrak pertanian adalah usaha yang dilakukan oleh Biotechcorp menerusi pemain industri bioteknologi dalam segmen pertanian dan penternakan yang mana ia membolehkan petani tempatan dapat membuat tanaman berkualiti yang mendapat permintaan tinggi di pasaran tempatan dan asing.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal berkata, ketika ini program berkenaan di peringkat akhir untuk dilaksanakan sepenuhnya bermula suku pertama tahun depan secara agresif.

Beliau berkata, program itu mendapat sambutan baik daripada pihak kerajaan negeri yang ingin mengusahakan tanah terbiar di negeri masing-masing kerana ia boleh membantu meningkatkan ekonomi masyarakat setempat menerusi jualan pertanian.

"Kami telah mengenal pasti tanaman dan hidupan air yang berkualiti tinggi untuk diusahakan petani tempatan dan ketika ini banyak syarikat bioteknologi berminat untuk menjadi pembeli produk keluaran petani kontrak.

"Untuk itu, sekiranya kerajaan menerusi Belanjawan 2014 dapat mengumumkan sesuatu yang boleh membantu golongan petani dari segi pemberian dana perniagaan secara khusus dalam segmen galakan perkembangan produk bioteknologi, saya yakin ia mampu menggalakkan aktiviti di dalam program ini," katanya kepada Bisnes Metro, di sini, baru-baru ini.

Irda sees challenging times ahead

By ZAZALI MUSA
zaza@thestar.com.my

JOHOR BARU: The Iskandar Regional Development Authority (Irda) sees attracting new investments into the country's first economic growth corridor becoming more challenging in the coming years.

Chief executive officer Datuk Ismail Ibrahim said the ever-changing global investment climate and competition from countries in the region were the two main factors that contributed to the challenge.

"It is important to ensure that Iskandar Malaysia remains attractive as an investment destination regardless of what the global economic situation is or the challenge that we are facing," he said.

He said this to reporters after the opening of BioMalaysia and BioEconomy Asia Pacific 2013, by Johor Menteri Besar Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin yesterday.

According to Ismail, from 2006 until Sept 30, 2013, Iskandar Malaysia received RM128.21bil in cumulative committed investments from the RM119bil recorded as at end of June, this year.

He said of the RM128.21bil, RM55.81bil, or 44%, had been realised, of which RM83.40bil, or 65%, came from domestic investors while RM44.81bil, or 35%, were contributed by foreign investors.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 01
TARIKH: 22 OKTOBER 2013 (SELASA)

Menjadi minat pelabur sejak diperkenalkan 2006

Pelaburan Iskandar RM128.21b

Oleh **NOR AZAN FITRI**
AHMAD HIDZIR
pengarang@utusan.com.my

JOHOR BAHRU 21 Okt. - Iskandar Malaysia mencatatkan pelaburan komited terkumpul sebanyak RM128.21 bilion dari 2006 hingga September tahun ini.

Pengerusi Bersama Iskandar Malaysia, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, koridor ekonomi selatan itu juga berjaya mencatatkan pelaburan sebanyak RM9.28 bilion bagi suku ketiga tahun ini, peningkatan sebanyak 18.53 peratus berbanding RM7.56 bilion bagi suku kedua.

"Hingga kini pelabur tempatan menyumbang sebanyak RM83.4 bilion, manakala RM44.81 bilion merupakan sumbangan pelabur asing bagi pelaburan komited terkumpul.

"Sebanyak RM55.81 bilion atau 44 peratus daripada pelaburan keseluruhan sudah direalisasikan dan ini membuktikan para pelabur berminat untuk terus melabur di dalam

wilayah ini," katanya selepas merasmikan Seminar Bio Malaysia dan Bio Ekonomi Asia Pasifik 2013 di Hotel Puteri Pacific, di sini hari ini.

Lima negara yang mencatatkan pelaburan tertinggi di Iskandar Malaysia ialah Singapura, Sepanyol, Jepun, Amerika Syarikat dan Belanda.

Mohamed Khaled yang juga Menteri Besar berkata, sektor pembuatan mencatatkan pelaburan komited terkumpul tertinggi iaitu sebanyak RM45.68 bilion dan merangkumi sektor elektrik dan elektronik, petrokimia dan oleo-kimia, pemrosesan makanan dan hasil tani.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), Datuk Ismail Ibrahim berkata, Iskandar Malaysia juga dijangka mencatat pelaburan sebanyak RM22 bilion menjelang hujung tahun ini.

"Hingga suku ketiga tahun ini, kita sudah berjaya menarik pelaburan melebihi RM20 bilion," katanya.



MOHAMMED Khaled Nordin (kiri) diberi penerangan mengenai produk bioteknologi ketika melawat ruang pameran sempena Seminar Bio Malaysia dan Bio Ekonomi Asia Pasifik 2013 di Johor Bahru, semalam.

KERATAN AKHBAR
 HARIAN METRO (AGRO): MUKA SURAT V7
 TARIKH: 22 OKTOBER 2013 (SELASA)

Harian Metro SELASA
 22 OKTOBER 2013

Agro V7



INOVASI

Oleh Mohd Sabran Md Sani
 sab@mediaprima.com.my

Akar pokok makin bertambah

Bacto-10 jimat guna baja kimia, bersifat organik

Penyelidik Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya menghasilkan produk inovasi baja cecair bio mengandungi Bakteria Penggalak Pertumbuhan Tanaman yang berfungsi sebagai penggalak pembentukan akar pokok.

Dikenali sebagai Bacto-10, produk itu adalah hasil penyelidikan pensyarah dan pakar Mikrobiologi Tanah, Fakulti Pertanian UPM, Prof Dr Zulkifli Shamsudin.

Ia didapati sesuai untuk semua jenis tanaman termasuk sayuran berdaun dan berbuah selain digunakan kepada tanaman komoditi seperti sawit dan getah.

Antara ciri istimewa Bacto-10 ialah membolehkan pengeluaran fitohormon atau hormon tumbuhan yang meningkatkan pembangunan akar, air dan penyerapan.

Produk bersifat organik dengan jangka hayat melebihi 20 bulan itu turut memberikan pembaikan nitrogen atmosfera, sekali gus membantu meningkatkan hasil tanaman.

Ketua Pegawai Eksekutif Phytogold Sdn Bhd (Phytogold), Muhamad Nazri Lokman berkata, baja cecair itu antara teknologi dibangunkan UPM khusus kepada pembentukan akar pokok.

Menurutnya, Bacto-10 adalah baja bio cecair mengandungi mikro organisma bukan patogen yang diasingkan daripada akar sawit dan herba.



GAMBAR ADI SAFRI
 MUHAMAD Nazri menunjukkan baja cecair Bacto-10.

"Bacto-10 akan pergi ke akar tanaman dan menghasilkan fitohormon atau hormon tumbuhan.

"Fitohormon sangat bermanfaat kepada tumbuhan kerana ia menggalakkan pertumbuhan akar. Apabila akar banyak, ia juga akan mengambil nutrien dan air dengan banyak.

"Ini penting kerana lebih banyak nutrien dan air maka lebih baik untuk pertumbuhan pokok. Hasilnya dapat dilihat dengan peningkatan sebanyak 30 peratus selain mengurangkan kos baja sehingga 65 peratus," katanya.

Katanya, Bacto-10 bukan saja menjimatkan penggu-

naan baja kimia, malah bersifat organik.

"Bagus dan indahnya bakteria ini kerana ia mengambil nitrogen dari udara.

"Untuk pengetahuan, 73 peratus udara mengandungi nitrogen, tetapi ia tidak boleh diambil pokok. Jadi bakteria ini sebagai agen mengubah nitrogen di udara kepada bentuk baja 'N' yang boleh digunakan pokok," katanya.

Tambahan pula katanya, tanah di Malaysia mengandungi banyak fosforus yang menyebabkan pokok ditanam gagal mengambil bekalan nitrogen.

"Bakteria inilah me-

ainkan fungsinya mengubah fosforus ke dalam bentuk mudah dihadam pokok," katanya.

Menyentuh mengenai penyelidikan produk itu katanya, baja berkenaan dibangunkan pada 1983 dalam bentuk baja biasa (ketul), sebelum diubah dalam bentuk cecair pada 2002.

"Bakteria berkenaan diambil dan diasingkan daripada akar pokok tempatan iaitu pokok sawit dan herba.

"Penggunaannya ke atas semua jenis tanaman kerana ia menjurus kepada akar. Sekarang kita cuba kepada pokok padi, sawit, buah-buahan, herba dan bunga. Kepelusannya memang bagus," katanya.

Menurutnya, kesan penggunaan baja berkenaan boleh dilihat pada permukaan daun yang menghitau dan melebar selepas mengambil lebih banyak nitrogen.

"Jika kita cuba pada pokok sawit, bukan saja hasilnya meningkat, tetapi tanah yang kering bertambah subur, malah cacing boleh dilihat di kawasan berkenaan," katanya menjelaskan fungsi bakteria membantu memulihkan tanah.

Beliau berkata, maklum balas diterima daripada pengguna juga sangat baik, malah ramai berpuas hati.

"Walaupun hasil seperti

buah sawit tidak nampak besar, tetapi apabila ditiimbangi ia lebih berat.

"Selain itu, kami sudah mencuba produk ini ke atas tanaman padi berkeluasan 0.4 hektar di Muar, Johor dan hasilnya meningkat kira-kira setan berbanding musim sebelumnya," katanya.

Muhamad Nazri berkata, syarikatnya juga pernah mencuba produk berkenaan ke atas projek penanaman padi di Merbok, Kedah yang mempunyai keasidan tanah (pH) 4.

"Biasanya padi ditanam selepas musim hujan, tetapi apabila Bacto-10 digunakan di sana, pokok berkenaan tahan pada musim kemarau, malah mampu mengeluarkan hasil kira-kira empat tan bagi kawasan berkeluasan dua hektar," katanya.

Katanya, produk itu sesuai juga digunakan kepada pokok pisang yang mengalami penyakit layu daun (fusarium).

"Dengan penggunaan

Bacto-10, kami dapat mengurangkan penyakit itu dan kajian kes sudah dilakukan kepada tanaman pisang di Tanjung Malim, Perak," katanya.

Produk itu ternyata satu kejayaan projek pengkomersialan inovasi UPM yang dilaksanakan dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) melalui program UPM-MTDC Symbiosis.

Ia terbahagi kepada dua jenis iaitu Form A bagi baja pekat dan Form B bagi baja yang dicairkan dengan tiga saiz botol iaitu 500 milliliter (RM35), 250 (RM80) dan 500 (RM150).

Bagaimanapun, setakat ini ia tidak kelihatan di kedai baja, sebaliknya permintaan hanya boleh dilakukan terus dengan syarikat berkenaan yang beroperasi di Bangi, Selangor.

Semua maklumat berkaitan produk itu boleh dilayari menerusi laman web www.phytogold2u.com.



POKOK pisang semakin subur



GAMBAR pisang (kanan) menunjukkan buah semakin cantik selepas diletakkan Bacto-10.



AKAR anak pokok sawit semakin banyak dan berserabut.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 01
TARIKH: 22 OKTOBER 2013 (SELASA)

TPPA: Malaysia akan rugi jika tolak penyertaan

KUALA LUMPUR 21 Okt. - China yang dilihat seakan-akan menunjukkan minat terhadap Perjanjian Kerjasama Trans-Pasifik (TPPA), menyebabkan kerajaan bimbang terhadap kesannya jika Malaysia menolak untuk menyertai perjanjian tersebut.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed (**gambar**) berkata, hasil pertemuannya dengan rakan sejawatnya dari China, negara itu sedang mengkaji kepentingan TPPA kepada ekonomi kedua terbesar di dunia itu.

"Dikhuatiri, jika mereka me-

nyertainya, sedangkan kita tidak, ini boleh menjejaskan daya saing negara dalam perdagangan antarabangsa.

"Ini memandangkan TPPA bakal mengutamakan aktiviti dalam kalangan ahli-ahlinya," katanya pada Forum Cabaran Dan Peluang Malaysia dalam TPPA, di sini hari ini.

Menurut menteri itu lagi, kerajaan juga risau jika Thailand, Indonesia, Korea Selatan atau Taiwan turut menyertai TPPA, teru-



tamanya negara-negara itu adalah pesaing Malaysia.

"Jika lewat menyertainya, Malaysia terpaksa mematuhi apa jua syarat yang telah ditetapkan jika mahu menyertainya kembali," kata beliau.

Sebanyak 19 pusingan perbincangan bagi membentuk TPPA

telah diadakan, dan ketika ini masih belum dimuktamadkan memandangkan setiap negara kurang berpuas hati terhadap topik yang

dibincangkan.

Bagaimanapun, Malaysia sudah mengadakan perjanjian perdagangan bebas (FTA) dengan negara-negara ahli TPPA seperti Jepun, New Zealand, Chile dan Australia.

Malah, Malaysia juga telah mengadakan perdagangan bebas dengan China melalui kerjasama ASEAN-China.

Walaupun kerajaan mahu memastikan negara menyertai TPPA, Mustapa berkata, kerajaan tetap menunggu keputusan analisis kos faedah berhubung perjanjian itu khususnya kepada kepentingan nasional serta bumiputera.